

08 AUG 2003

Mahathir-Komputer

PM PUAS HATI PROJEK MAKMAL KOMPUTER DI SABAH TIDAK BERMASALAH

KOTA KINABALU, 8 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan rasa puas hati dengan pelaksanaan projek pembinaan makmal komputer di sekolah-sekolah di Sabah.

Beliau berkata projek itu berjalan lancar di negeri ini dan wajar menjadi contoh kepada pelaksanaan projek seumpama itu di negeri-negeri lain.

"Kita semua tahu bahawa makmal komputer di Semenanjung begitu banyak yang tak dibuat dengan sempurna tetapi di Sabah ia dibuat dengan kemas dan tidak ada satupun yang menghadapi masalah.

"Ia tak ada masalah dengan wakil rakyat, tidak ada masalah dengan pegawai kerajaan...semuanya berpuas hati.

"Saya fikir ada baiknya jika kontraktor daripada Semenanjung datang dan lihat -- lihat saja, jangan kacau -- cara mana Sabah melaksanakan rancangan pembangunan," katanya pada persidangan berita di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke ibu negara di akhir lawatan sehari beliau ke Sabah.

Perdana Menteri yang mendengar taklimat pembangunan Sabah sebaik tiba pagi tadi berkata, beliau juga berpuas hati dengan pelaksanaan projek pembangunan lain di negeri itu.

"Sekolah dibina dengan baik, demikian juga hospital dan rumah guru yang semuanya dilaksanakan dengan sempurna oleh kontraktor daripada Sabah dengan diselia oleh pihak Kerajaan Negeri," kata beliau.

Projek pembinaan makmal komputer di Sabah membabitkan 200 sekolah dan menurut Pengarah Pendidikan Negeri Datuk Kamal D.E. Quadra yang ditemui pemberita selepas sidang media Perdana Menteri, sebanyak 168 makmal telahpun diserahkan kepada jabatan itu manakala selebihnya akan siap akhir bulan ini.

Ditanya bagaimana Sabah berjaya melaksanakan projek bernilai RM71 juta itu tanpa banyak masalah, Kamal berkata semuanya kerana projek itu diuruskan dengan baik.

Mengenai prestasi perbelanjaan peruntukan daripada kerajaan Persekutuan di Sabah, Dr Mahathir berkata sesetengahnya mencapai prestasi yang diharapkan tetapi ada juga yang tidak.

"Ini adalah sama dengan di Semenanjung, iaitu masalah perancangan dan belanjawan yang tidak begitu baik. Ada yang buat budget yang terlalu besar dan lepas tu tidak dapat dilaksanakan. Isu-isu lain seperti soal tanah, pampasan, setinggalan juga menghalang pembangunan (pelaksanaan projek)," kata beliau.

Sementara itu Ketua Menteri Datuk Musa Aman berkata prestasi baik Sabah dalam pelaksanaan projek pembangunan, khususnya kemudahan asas dan makmal komputer adalah hasil daripada penekanan kerajaan terhadap kualiti.

"Saya selalu mengingatkan kontraktor supaya menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan, juga mesti ada kawalan mutu supaya projek kita tidak berhadapan dengan masalah.

"Jika kita tidak jaga kualiti, tentulah projek itu bermasalah...saya mengucapkan tahniah kepada kontraktor terbabit yang dapat menyelenggarakan kerja-kerja dengan baik. Saya harap keadaan ini akan berterusan," kata Musa.

Pembinaan makmal komputer di Sabah akan memberi faedah kepada sebanyak 100,000 pelajar dan 4,000 guru.

Sabah mempunyai 470,000 pelajar dan 30,000 orang guru yang sedang

berkhidmat di 155 sekolah rendah dan 184 sekolah menengah.

-- BERNAMA

JS PR